

# 2,000 unit Rumah Ikram buat Keluarga Malaysia

UM - 25/9/2021 ml/s: 3

Oleh MAISARAH  
SHEIKH RAHIM

maisarah.rahim@mediamulia.com.my

**PUTRAJAYA:** Kerajaan akan menyediakan 2,000 unit rumah di bawah inisiatif Kediaman Rumah Keluarga Malaysia (Rumah Ikram Keluarga Malaysia) yang memberi manfaat kepada sekurang-kurangnya 10,000 isi rumah yang memerlukan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri berkata, ia adalah tambahan 1,000 unit rumah berbanding perancangan awal sebagai permulaan di kawasan Projek Perumahan Rakyat (PPR) di sekitar Kuala Lumpur, Selangor, Kedah, Kelantan dan Johor dengan kadar sewa minimum, RM124 sebulan selama



**ISMAIL SABRI YAAKOB**

tempoh maksimum dua tahun.

Menurut beliau, Rumah Ikram bakal menjadi teduhan kepada Keluarga Malaysia yang kehilangan dan kekurangan

pendapatan atau kehilangan pekerjaan, sehingga tidak lagi mampu membayar sewa rumah mahal.

“Rumah Ikram Keluarga Malaysia satu inisiatif tepat pada masanya dan langkah penampakan yang boleh kerajaan berikan kepada rakyat,” katanya ketika pelancaran Rumah Ikram Keluarga Malaysia di Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) di sini semalam.

Perdana Menteri berkata, beliau memahami 1,000 unit rumah di 11 kawasan PPR yang berada di bawah kawal selia dan pengurusan KPKT tidak mencukupi untuk menampung mereka yang terkesan akibat hilang mata pencarian.

Dalam pada itu, Perdana Menteri turut mengumumkan semua penerima manfaat akan diberikan pengecualian bayaran sehingga enam bulan bermula dari tarikh menerima kunci.

Beliau menjelaskan, pengecualian bayaran sewa ini ditanggung kerajaan dengan melibatkan peruntukan kira-kira RM3 juta bagi membolehkan penerima manfaat, khususnya ketua isi rumah dapat menumpukan usaha untuk merencanakan ekonomi keluarga.

Beliau berkata, Agenda Perumahan akan terus menjadi fokus utama kerajaan, khususnya dalam menyediakan kediaman mampu milik untuk Keluarga Malaysia.